

## **Ucapan Alu-aluan**

**Y.Bhg Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**

**Naib Canselor UMS**

**Sempena Majlis Pelancaran Program Seiring Bersama Masyarakat 1 UMS**

**Di Gerakan Daya Wawasan (GDW) Kg. Bayangan, Keningau**

### **SALUTATION**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan salam 1Malaysia,

Yang Berhormat Datuk Sairin Hj. Karno

Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah

Merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N34 Liawan Keningau,

Yang Berusaha Tn. Hj. Kaipin Rosmin

Pengerusi Gerakan Daya Wawasan (GDW), Kg. Bayangan, Keningau

Pegawai-Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UMS

Kakitangan Universiti Malaysia Sabah

Penduduk Gerakan Desa Wawasan (GDW), Kg. Bayangan

Tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang dihormati sekalian

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama di Majlis Pelancaran Program Seiring Bersama Masyarakat 1 UMS pada pagi yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-

tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Sairin Hj. Karno kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita seterusnya merasmikan majlis ini sebentar lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. UMS sejak penubuhannya pada tahun 1994, telah bersama masyarakat di Sabah lebih daripada 15 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, UMS sentiasa berterusan menjalankan program khidmat masyarakatnya, terutama kepada masyarakat di luar bandar dalam mencapai falsafah penubuhan UMS, iaitu untuk berbakti bagi mencapai kesejahteraan masyarakat dan negara. Program Seiring Bersama Masyarakat 1 UMS misalnya, adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada UMS mendekati masyarakat luar bandar, khasnya kepada masyarakat tempatan di daerah Keningau, dalam menyalurkan perkembangan terkini mengenai peluang pendidikan yang tersedia di UMS.

3. Untuk makluman, sehingga kini UMS telah menawarkan 64 program pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Terbaru, Program Asasi Sains telah diwujudkan khusus untuk pelajar lepasan SPM/SPMV. Sebagai makluman, sebilangan daripada 52 pelajar cemerlang yang terpilih untuk menjadi perintis kepada Program Asasi Sains yang baharu dilancarkan pada 26 April lalu, adalah merupakan anak tempatan dari daerah Keningau. Saya yakin bahawa ramai lagi generasi muda di Keningau berpotensi dalam mendokong agenda pembangunan negara melalui perkembangan ilmu dan penyelidikan di saluran yang tepat, iaitu di institut pengajian tinggi seperti UMS. Maka dengan itu, pada hari ini warga UMS turun padang bagi menyampaikan panduan dan informasi mengenai UMS khas kepada masyarakat di Keningau ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

4. UMS selaku universiti terulung di Sabah sentiasa mendokong gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Penganjuran program sebegini yang melibatkan pelbagai pihak termasuk ibu bapa, anak-anak dan pelajar-pelajar sekolah menengah yang berhasrat memasuki Universiti tempatan sebenarnya mendokong konsep perpaduan 1 Malaysia, 1 UMS, kerana dengan program ini warga UMS dapat bersama-sama mendekati komuniti berbilang kaum di daerah Keningau ini.

5. Program Seiring Bersama Masyarakat 1 UMS ini juga adalah satu wadah untuk menjadikan masyarakat di luar bandar sebagai kumpulan yang mendapat manfaat daripada Kementerian Pengajian Tinggi, melalui kemasukan ke IPTA yang bukan sahaja dilihat sebagai pusat pengajian ilmu dan peningkatan sendiri, tetapi juga sebagai institusi bagi melahirkan generasi muda yang berketrampilan tinggi dan mempunyai hubungan erat dengan masyarakat pelbagai peringkat. Sesungguhnya generasi muda ini yang merupakan agen kepada perubahan dalam mencapai hala tuju dan wawasan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Pada hari ini juga, satu sejarah akan terukir bagi UMS dan penduduk kampung Gerakan Daya Wawasan (GDW) Kampung Bayangan kerana sebentar nanti, kita juga akan menyaksikan perasmian Mini Perpustakaan, yang ditubuhkan khusus untuk kegunaan penduduk kampung dan warga Keningau amnya. Penubuhan mini perpustakaan ini adalah bertujuan untuk memberi kemudahan sumber bacaan dan rujukan ilmiah kepada masyarakat di sekitar GDW Kampung Bayangan.

7. Kemudahan yang disediakan ini diharap dapat membantu masyarakat kampung terutama dalam menyahut saranan kerajaan bagi memupuk amalan membaca sekaligus memberi impak kepada perkembangan ilmu dalam komuniti

pelbagai peringkat di kampung ini. Sesungguhnya, UMS sentiasa prihatin terhadap pembangunan pendidikan di negara ini khususnya di kawasan luar bandar.

8. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Sairin atas kehadiran beliau untuk bersama-sama dengan kita pada pagi ini. Kehadiran yang Berhormat Datuk pastinya akan menjayakan lagi majlis pada pagi ini. Ribuan terima kasih juga kepada seluruh penduduk GDW Kampung Bayangan kerana mengalu-alukan kehadiran pihak UMS ke kampung yang indah ini. Saya berharap semoga penganjuran majlis seperti ini akan mengeratkan lagi kerjasama yang sedia terjalin di samping merapatkan lagi ikatan silaturrahim dengan masyarakat setempat khasnya penduduk di kampung ini.

Sekian, terima kasih.